



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# IMPLIKASI PERBEZAAN I'RAB TERHADAP MAKNA AYAT AL-QURAN DALAM SURAH ALI 'IMRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## IMPLIKASI PERBEZAAN I'RAB TERHADAP MAKNA AYAT AL-QURAN DALAM SURAH ALI 'IMRAN

NUR 'IZZATI BINTI MOHD SHAPEE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSIIPS-0100-32  
Bind - 00 m/s. 1/1

Sila tanda (✓)  
Kertas Projek  
Senjana Penyelidikan  
Senjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

✓	

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dihuat pada **13**... (hari bulan) ...**JUN**.... (bulan) **2023**..

**i. Perakuan pelajar:**

Saya, **NUR 'IZZATI BINTI MOHD SHAPEE, M20191000718, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **IMPLEMENTASI PERBEZAAN IRAB TERHADAP MAKNA AYAT AL-QURAN DALAM SURAH ALI 'IMRAN**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar



**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **DR. MOHD HILMI BIN ABDULLAH** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **IMPLEMENTASI PERBEZAAN IRAB TERHADAP MAKNA AYAT AL-QURAN DALAM SURAH ALI 'IMRAN**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepuhunya syarat untuk memperoleh Ijazah **IJAZAH SARJANA SASTERA BAHASA ARAB** (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: IMPLIKASI PERBEZAAN I'RAB TERHADAP MAKNA AYAT  
AL-QURAN DALAM SURAH ALI 'IMRANNo. Matrik / Matric's No.: M20191000718Saya / I : NUR IZZATI BINTI MOHD SHAPEE

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdajaah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 13 JUN 2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekalii sebab dan tempoh tapakar ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Salam Sejahtera,

Sekalung penghargaan buat Dr. Mohd Hilmi Bin Abdullah, selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu dengan penuh sabar dan kasih sayang, di samping menjadi inspirasi dan sumber rujukan bagi pengkaji. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas segala jasa budi dan pengorbanan yang telah diberikan oleh penyelia. Segala idea-idea yang disumbangkan oleh penyelia telah banyak memberikan pedoman yang amat berharga dalam kehidupan pengkaji. Turut tidak dilupakan ucapan jutaan terima kasih kepada penilai-penilai Prof.Madya Dr Anas Al-Muhsin dan Prof.Madya Dr Saipolbarin Ramli di atas tunjuk ajar dan penialainnya terhadap kajian saya. Seterusnya, tidak lupa juga kepada ibu bapa tercinta Mohd Shapee Bin Muda dan Fauziah Binti Musa serta adik-beradik Zul 'Atif, Zulhilmi, Syahira, Syamimi dan Arsyad yang sentiasa memberikan dorongan dan bimbingan, di samping memberikan kata-kata semangat dan kekuatan untuk pengkaji terus berusaha dan berjuang demi melunaskan amanah ini. Terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan Ummi Nadjwa yang telah banyak memberi dorongan serta motivasi dari semasa ke semasa sepanjang proses menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya. Juga tidak ketinggalan kepada teman yang bernama Mohd Hamdan Bin Ariffadzilah yang sudi memberikan semangat untuk menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Segala bantuan, didikan, nasihat, tunjuk ajar serta dorongan yang diberikan oleh semua pihak di atas telah membawa kepada satu hasil kejayaan yang amat bernilai dalam kehidupan pengkaji secara tidak langsung. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





## ABSTRAK

Al-Quran mempunyai perkataan i’rab yang pelbagai. Sebagai umat Islam, kita perlu mengetahui maksud al-Quran yang dibaca. Oleh itu, penguasaan pengetahuan ilmu nahu merupakan perkara asas dalam mempelajari maksud ayat al-Quran. Dalam ilmu nahu terdapat cabang-cabang ilmu khusus antaranya ialah bab i’rab. Terdapat sebahagian pembaca al-Quran yang mengalami kekeliruan dalam menentu dan memahami makna ayat-ayat yang dibaca khususnya kepada yang menuntut ilmu bahasa Arab. Perkara ini berlaku apabila sesebuah kalimah Arab itu berubah baris atau fungsi i’rab, maka makna sesebuah ayat al-Quran akan menjadi maksud yang lain. Demi merungkai kekeliruan ini, perlunya kepada penguasaan ilmu nahu khususnya dalam bahagian i’rab yang dapat menjelaskan makna sesebuah ayat dalam bahasa Arab dengan jelas dan tepat. Kajian ini akan meneroka bab i’rab khususnya dalam surah Ali ‘Imran. Objektif utama kajian ini ialah mengkategorikan perbezaan i’rab dalam ayat-ayat terpilih dalam surah Ali Imran manakala objektif keduanya ialah menghuraikan implikasi perbezaan i’rab terhadap makna ayat-ayat terpilih dalam Surah Ali Imran. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Kajian ini melibatkan 25 sampel yang meliputi ayat, frasa dan juga perkataan. Seterusnya, data dianalisis dengan mendapati bahawa i’rab al-Quran mempunyai makna yang berbeza dan tertentu. Implikasinya, setiap makna ayat al-Quran mempunyai kepelbagaian perbezaan dan bukannya perbezaan yang bertentangan.





## THE IMPLICATION OF THE DIFFERENCE OF I'RAB ON THE MEANING OF THE VERSE OF THE QUR'AN IN SURAH ALI 'IMRAN

### ABSTRACT

Al-Quran has various i'rab words. As Muslims, we need to know the meaning of the Quran that we read. Therefore, the mastery of science knowledge is a basic matter in learning the meaning of the verses of the Quran. In Nahu science, there are special branches of science, among which is the chapter on i'rab. There are some readers of the Quran who experience confusion in determining and understanding the meaning of the verses that are read, especially to those who are studying Arabic. This happens when an Arabic word changes the line or function of i'rab, then the meaning of a verse of the Quran will become something else. In order to disentangle this confusion, it is necessary to master the knowledge of nahu, especially in the i'rab section that can explain the meaning of a verse in Arabic clearly and accurately. This study will explore the i'rab chapter especially in surah Ali 'Imran. The main objective of this study is to categorize the difference in i'rab in selected verses in Surah Ali Imran while the second objective is to describe the implications of the difference in i'rab to the meaning of selected verses in Surah Ali Imran. This study uses a completely qualitative method. This study involves 25 samples that cover sentences, phrases and even words. Next, the data was analyzed by finding that i'rab al-Quran has different and specific meanings. The implication is that each meaning of the Qur'anic verse has a variety of differences rather than opposite differences.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
------------------------------------	----

<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
--	-----

<b>PENGHARGAAN</b>	iv
--------------------	----

<b>ABSTRAK</b>	v
----------------	---

<b>ABSTRACT</b>	vi
-----------------	----

<b>KANDUNGAN</b>	vii
------------------	-----



<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
----------------------	----

<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xii
-----------------------------	-----

<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	14
-------------------------	----

1.1 Pendahuluan	14
-----------------	----

1.2 Latar Belakang Kajian	15
---------------------------	----

1.2.1 Al-Quran	15
----------------	----

1.2.2 Surah Ali ‘Imran	16
------------------------	----

1.2.3 I‘rab Al-Quran	18
----------------------	----

1.3 Pernyataan Masalah	20
------------------------	----

1.4 Objektif Kajian	23
---------------------	----





1.5	Persoalan Kajian	24
1.6	Batasan Kajian	24
1.7	Definisi Operasional	25
1.7.1	I ‘rab	26
1.7.2	Kepelbagaiannya dalam Perbezaan I’rab	28
1.8	Kepentingan Kajian	32
1.9	Kesimpulan	35
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	36
2.1	Pendahuluan	36
2.2	Pengenalan Surah Ali ‘Imran	37
2.2.1	Inti Sari Surah Ali ‘Imran	41
2.2.1.2	Kisah Peperangan	60
2.3	Pengenalan Kepada I’rab Al-Quran	64
2.3.1	Pengenalan Kepada I’rab	64
2.3.2	Perkaitan Antara I’rab dan Al-Quran	67
2.4	Kajian-kajian Lepas	71
2.5	Kesimpulan	94
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	95
3.1	Pendahuluan	95
3.2	Reka Bentuk Kajian	96
3.3	Persampelan Kajian	97
3.4	Instrumen Kajian	102





3.4.1	Al-Quran dan Al-Hadis	102
3.4.2	Kitab tafsir Al-Quran dan Al-Hadis	103
3.4.3	Kitab Bahasa Arab	105
3.4.4	Kamus	107
3.5	Pengumpulan Data	107
3.5.1	Analisis Data	108
3.6	Kerangka Konseptual	111
3.7	Kesimpulan	112
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN (I'RAB AL-QURAN DALAM SURAH ALI 'IMRAN)</b>	113
4.1	Pendahuluan	113
4.2	Analisis dalam Mengkategorikan Perbezaan Jenis I'rab dalam ayat-ayat terpilih dalam surah Ali Imran	114
4.3	Analisis dalam menghuraikan implikasi perbezaan I'rab terhadap makna ayat-ayat terpilih dalam Surah Ali Imran	144
4.4	Kesimpulan	228
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	230
5.1	Pendahuluan	230
5.2	Rumusan	230
5.3	Perbincangan Kajian	233
5.3.1	Perkaitan Dapatan Kajian dengan Kajian Lepas	233
5.3.2	Implikasi Dapatan Kajian	234
5.4	Cadangan Kajian	236





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

X

## 5.5 Kesimpulan

239

## RUJUKAN

242



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xi

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Konseptual	111



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## JADUAL TRANSLITERASI

### 1) HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	,	قراءة	Qara'a
ب	b	بدلة	Badala
ت	t	تاویل	Ta'wil
ث	th	ثُمَّ	Thumma
ج	j	جَنَّاتُ	Jannat
ح	h	حال	Hāl
خ	kh	خبر	khabar
د	d	دون	Duna
ذ	dh	ذرية	Dhurriyyat
ر	r	ربنا	Rabbanā
ز	z	زال	Zāl
س	s	سبيل	Sabīl
ش	sh	شهيد	Shahid
ص	ṣ	صفة	Ṣifat
ض	ḍ	ضریب	Durayb
ط	ṭ	طیراً	Tayr
ظ	ẓ	ظلماً	Zulmān
ع	‘	عذاب	‘Azāb
غ	gh	غَنِيٌّ	ghaniyyun





ف	f	فِي	fi
ق	q	قَائِمٌ	Qa‘im
ك	k	كِتَابٌ	Kitab
ل	l	لَيْلٌ	Lāyl
م	m	مُنْكَرٌ	Munkar
ن	n	نَاسٌ	Nās
هـ	h	هُمْ	Hum
وـ	w	وَقَعَ	Waqo‘a
يـ	y	يَا	Yā
ةـ	t	رَحْمَةٌ	Rahmatan

## 2) VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أـ	a	أَمْنَةٌ	Amanat
إـ	i	إِنْ	Min
ءـ	u	ءُعَاصِي	Nu‘asa

## 3) VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أـ، إـ	ã	أَقَالَ	Qāla
يـ	ī	سَعِيدٌ	Sa‘id
وـ	ū	مَعْطُوفٌ	Ma‘tūf

## 4- DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
وـ	aw	قَوْلٌ	Qawl
يـ	ay	عَلَيْهِ	‘Alaih
يـ	iyy/i	تَغْنِيَ	Targhniyyi





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi pengenalan kajian yang dijalankan. Perbincangan meliputi pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, batasan kajian serta kepentingan kajian. Tajuk kajian yang dipilih ialah Implikasi Perbezaan I‘rab terhadap Makna Ayat al-Quran dalam Surah Ali ‘Imran. Kajian ini adalah berpandukan kepada al-Quran dan bahagian nahu bahasa Arab iaitu bahagian nahu. Bab ini turut membincangkan permasalahan kajian serta rasionalnya kajian ini dilaksanakan. Selain itu, bab ini juga mengemukakan objektif dan persoalan kajian yang berkaitan. Seterusnya menerangkan definisi operasional kajian. Kemudian menjelaskan batasan bagi kajian ini serta kepentingan kajian yang dijalankan.



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian merangkumi bahagian al-Quran, surah Ali ‘Imran serta bahagian i‘rab al-Quran. Dalam bahagian ini juga disertakan beberapa contoh ayat al-Quran yang mengandungi perbezaan bentuk i‘rab yang pelbagai.

### 1.2.1 Al-Quran

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan daripada Allah SWT buat makhlukNya melalui pengakhiran segala nabi, iaitu Nabi Muhammad SAW. Bagi kaum muslimin, mempercayai dan beriman kepada kitab Allah merupakan salah satu daripada rukun iman. Sekiranya terdapat keraguan dalam hati tentang kitab Allah ini, perkara tersebut membolehkan terbatalnya iman seseorang muslim. Kandungan al-Quran meliputi seluruh aspek kehidupan tanpa mengira apa keadaan sekalipun yang akan terjamin kualitinya sehingga sampai kepada hari kehancuran dunia.

Firman Allah SWT dalam surah Saad ayat yang ke 29 :

كَتَبْ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لَّيْدَبُرُوا آيَاتِهِ وَلَيَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ {29}

*(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.*

Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril A.S secara berperingkat yang dimulai surah Al-Fatihah dan diakhiri dengan surah An-Nas. Rasulullah SAW merupakan seorang *ummi* yang bermaksud



seorang yang tidak tahu menulis dan membaca. Maka daripada itu, baginda sentiasa menghafal dan bergantung kepada kekuatan ingatan untuk menjaga setiap wahyu yang diturunkan kepada baginda. Baginda menghafal kesemua wahyu yang diturunkan dan membacanya serta menyampaikannya kepada para sahabat dengan cara *tartil* dan tersusun. Baginda turut mentafsirkan dan menjelaskan maksud dan intisari ayat yang diterima itu supaya dapat difahami maksud asalnya (Rosmawati Ali, 2010).

Dalam usaha untuk memahami setiap isi kandungan al-Quran, perlunya seseorang itu untuk memahami maksud ayat yang terdapat dalam al-Quran. Bagi memenuhi tuntutan tersebut, bermula zaman selepas Nabi Muhammad SAW sehingga pada hari ini, para ulama giat melakukan pentafsiran ayat al-Quran kepada bahasa-bahasa yang mudah difahami tanpa mengelirukan makna asal ayat al-Quran. Hal ini adalah untuk memudahkan para pembaca memahami setiap isi ayat yang dibaca dengan jelas. Namun begitu, terdapat beberapa ayat yang masih samar dan memerlukan kepada usaha pentafsiran yang lebih mendalam supaya ayat-ayat tersebut dapat difahami tanpa diseleweng maksud asal ayat al-Quran.

### 1.2.2 Surah Ali ‘Imran

Surah Ali ‘Imran merupakan antara surah yang memiliki jumlah ayat yang panjang dalam al-Quran iaitu mengandungi 200 ayat keseluruhannya. Menurut Yusoff Zaky Yacob (2000), surah ini adalah antara surah yang diturunkan selepas tahun hijrah. Ayat-ayat daripada surah ini tidak diturunkan secara berterusan sehingga tamat. Akan tetapi, diturunkan berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada ketika itu. Malah, tertib





ayat-ayat dalam setiap surah dilakukan adalah dengan arahan daripada baginda Rasulullah SAW.

Surah Ali ‘Imran termasuk dalam kategori Surah Madaniyyah. Ayat-ayat dalam surah ini diturunkan di Madinah al-Munawwarah. Surah ini turut digelar sebagai *Al-Aman*, *Al-Kanzu*, *Al-Ma’niyyah*, *Al-Mujadalah* dan surah *Al-Istighfar*. Gelaran diberikan terhadap surah ini adalah berdasarkan kepada intisari ayat serta peristiwa yang berlaku dalamnya. Surah ini mengandungi 200 ayat kesemuanya.

Surah ini dinamakan Ali ‘Imran adalah kerana surah ini memuatkan kisah-kisah yang berkaitan dengan keluarga Imran. Surah ini bercerita berkenaan kelahiran Nabi Isa A.S yang disamaartikan dengan kejadian Nabi Adam A.S. Kisah daripada surah ini turut memerihalkan tentang kelahiran Saidatina Maryam yang merupakan puteri kepada seorang lelaki yang bernama ‘Imran dan isterinya bernama Hanah.

Menurut kisah yang ditulis oleh Abu (1967), ‘Imran dan Hanah berkahwin kemudian melahirkan satu-satunya anak yang bernama Maryam. Kemudian anak tersebut diperintahkan oleh Allah SWT untuk dihantar ke sebuah masjid yang dinamakan Baitul Maqdis. Atas keimanan dan ketaatan mereka terhadap suruhan dan perintah Allah S.W.T, maka dibesarkan satu-satunya anak mereka oleh ahli-ahli ibadah di masjid tersebut sehingga kemunculan Nabi Isa A.S.

Surah ini sarat mengandungi perihal tentang keluarga ‘Imran, kisah Saidatina Maryam, kemunculan Nabi Isa A.S serta kisah tentang peperangan Badar dan Uhud yang menjadi sejarah dalam dunia Islam sehingga dihayati dan dijadikan pengajaran buat umat Islam pada hari ini.



### 1.2.3 I‘rab Al-Quran

I‘rab al-Quran merupakan suatu ilmu yang membahaskan tentang kedudukan dan fungsi bagi setiap perkataan dalam ayat al-Quran untuk mengetahui makna ayat tersebut. Bidang bahasa Arab merangkumi ilmu nahu, saraf dan juga balaghah. I‘rab merupakan salah satu cabang yang terdapat dalam ilmu nahu. I‘rab inilah yang memperlihatkan fungsi sesuatu kalimah sehingga dapat diketahui maksud yang diingini.

Menurut Shawqi (1995), sebab-sebab penciptaan ilmu nahu Arab, penulisan huruf-huruf Arab dan tanda-tanda bacaan adalah untuk membezakan sebutan di antara huruf-huruf Arab. Hal ini adalah disebabkan oleh, terdapat kesalahan berbahasa dalam kalangan bangsa Arab ketika zaman Rasulullah S.A.W. Hal ini terbukti apabila terdapat seorang lelaki pada zaman Rasulullah s.a.w yang telah melakukan kesalahan ketika bercakap dari sudut baris dan sebutan huruf. Peristiwa ini menampakkan bahawa pentingnya mengetahui fungsi ayat dan perkataan yang dipertuturkan khususnya dalam pertuturan bahasa Arab.

Menurut Ibrahim (1992), terdapat pelbagai pendapat dalam mengenal pasti fungsi i‘rab . Perubahan i‘rab itu berlaku apabila terdapat asbab yang menyebabkan terjadinya perubahan tersebut. Justeru itu, perbezaan i‘rab dalam setiap ayat al-Quran akan membawa makna yang berbeza-beza mengikut kesesuaian kedudukan ayat dan tempatnya. Hal ini membuktikan bahawa kesenian kalamullah ini tidak boleh sewenang-wenangnya diterjemah atau ditafsirkan sesuka hati tanpa rujukan para ahli yang pakar dalam bidang ini.

Menurut Abu al-Qasim Abdur Rahman Ishaq (1979), fungsi ini bersesuaian dengan makna i‘rab itu sendiri dari sudut bahasa, iaitu penerangan tentang makna. Para ulama terdahulu apabila menyedari bahawa baris-baris yang terletak pada akhir kata nama dan kata kerja menunjukkan kepada makna-makna yang tertentu dan menjelaskan makna-makna tersebut, mereka menamakannya sebagai i‘rab yang bermaksud penjelasan bagi sesuatu kalimah.

Penggunaan huruf-huruf Arab yang lengkap hanya berlaku selepas zaman Khulafa’ Ar-Rasyidin. Pada zaman Rasulullah SAW, huruf-huruf Arab ini masih belum mampunya titik atau noktah dan begitu juga tanda-tanda baris yang lain seperti *dhammah*, *fathah*, *kasrah*, *jazm*, *tashdid* dan sebagainya. Menurut Nasr al-Din Ibrahim Ahmad (2008), tanda-tanda ini tidak terdapat dalam tulisan-tulisan syair Arab, akan tetapi perkara ini dapat diperhatikan dalam manuskrip penulisan syair oleh Imru` al-Qais pada kurun ke-3 Masihi dan manuskrip Ummu al-Jamal pada kurun ke-5 Masihi.

Ayat yang ke tiga daripada surah Ali ‘Imran merupakan salah satu contoh ayat yang mengandungi jenis i‘rab yang berbeza dalam satu kalimah :

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقاً لِمَا بَيْنَ يَدِيهِ (٣)

*Maksudnya : Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci (*Al-Quran*) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya,*

Perkataan (مُصَدِّقاً) mempunyai dua jenis i‘rab yang berbeza. I‘rab pertama

berbentuk dengan *hal* (حال). Manakala yang keduanya berbentuk *badal* (بدل).

Daripada ayat ini, dapat dijelaskan bahawa terdapat dua jenis i'rab yang berlainan dalam satu kalimah. Namun, perbezaan i'rab ini tidak mencacatkan makna asal ayat al-Quran, malah menunjukkan kepelbagaiannya fungsi dan kedudukan dalam kalimah bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran yang mempunyai keindahan bahasanya yang tersendiri. Kepelbagaiannya jenis i'rab bagi ayat-ayat lain daripada surah Ali 'Imran akan disenaraikan dan dijelaskan secara terperinci dalam bahagian dapatan kajian.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pemahaman al-Quran memerlukan penguasaan ilmu bahasa Arab yang mendalam dari sudut pelbagai aspek khususnya dalam bab i'rab. Penafsiran yang dibuat tanpa mendalami dan menguasai ilmu bahasa Arab akan menyebabkan berlakunya ketidakpastian dan tidak menepati maksud sebenar yang dikehendaki.

Sebagai contoh, dalam al-Quran, setiap potongan ayatnya adalah saling terikat antara satu ayat dengan ayat yang lain. Akan tetapi, terikatnya satu ayat dengan ayat yang lain adalah bergantung kepada kedudukan dan keadaan ayat itu sendiri. Dari sini dapat dilihat, akan timbulnya kepelbagaian dari segi perbezaan kedudukan bentuk sesebuah i'rab.

Terdapat beberapa ayat daripada al-Quran yang memiliki perbezaan i'rab. Antaranya ialah ayat ke-6 daripada surah Al-Maidah ;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُوْمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوْا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيْكُمْ إِلَى  
الْمَرَافِقِ وَامْسِحُوا بِرُؤْسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جَنْبًا فَاطْهِرُوا  
وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضِيًّا أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لَامْسَتْ  
النِّسَاءَ فَلَمْ تَجْدُوا مَاءً فَتَمْمِمُوا صَعِيدًا طَيْيًا فَامْسِحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيْكُمْ  
مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُظْهِرَكُمْ وَلَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ  
**عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشَكَّرُونَ** (6)

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.

Kalimah **(أَرْجُلَكُمْ)** telah dibaca dengan dua qiraat yang berkaitan dengan

i‘rabnya. Imam Nafi‘, Ibnu ‘Amir dan Kisa’iy membacanya dengan baris atas **(أَرْجُلَكُمْ)**. Berdasarkan bacaan tersebut, kalimah **(أَرْجُلَكُمْ)** mengikut dari sudut ‘ataf

kalimah lain sebelumnya **(وُجُوهَكُمْ)**.

Makna ayat ini membawa maksud bahawa kaki wajib dibasuh dalam wuduk, sebagaimana bahagian muka juga wajib dibasuh. Ulama-ulama telah berbeza pendapat dalam membariskan atau mengi‘rabkan kalimah-kalimah ini. Oleh itu, timbulnya perbezaan dari segi i‘rab dalam al-Quran.



Seterusnya ayat ke-119 daripada surah Al-Baqarah :

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْئِلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَحِيمِ (119)

*Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau (wahai Muhammad) dengan kebenaran, (serta menjadi) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar). Dan (setelah engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan diminta (bertanggungjawab) tentang ahli neraka.*

Keduanya melibatkan i‘rab dan pembentukan kata (*tasrif*). Imam Nafi‘ telah membaca kalimah (تسئل) dengan baris atas huruf *ta'* dan baris mati huruf *lam*. Namun, perkara ini sedikit berbeza dengan bacaan jumhur *qurra'* yang lain yang meriwayatkan bacaan *rafa'* bagi kedua-dua huruf tersebut menjadi (تسئل).



Ayat yang ke tiga daripada surah Ali ‘Imran merupakan salah satu contoh ayat yang mengandungi jenis i‘rab yang berbeza dalam satu kalimah :

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدِيهِ (3)

*Maksudnya : Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci (*Al-Quran*) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya,*

Perkataan (مصدق) mempunyai dua jenis i‘rab yang berbeza. I‘rab pertama

berbentuk dengan *hal* (حال). Manakala yang keduanya berbentuk *badal* (بدل).





Daripada contoh ayat-ayat di atas, telah timbulnya perbezaan dari segi i‘rab serta jenis fungsinya. Perbezaan yang wujud akan menyebabkan tafsiran makna yang berbeza mengikut pandangan-pandangan ulama yang arif tentang perkara ini. Hal ini adalah kerana, dalam bahasa Arab, apabila berlakunya perbezaan dalam membariskan sesuatu kalimah, turut akan menyebabkan berlakunya perbezaan dari segi i‘rab dan seterusnya akan menghasilkan makna kalimah yang berbeza-beza mengikut kepada kesesuaian sesebuah ayat. Perkara ini bersesuaian dengan makna i‘rab itu sendiri dari sudut bahasa iaitu penerangan tentang makna.

Permasalahan yang wujud adalah apabila timbulnya perbezaan dari segi i‘rab berdasarkan kepada pendapat dan perbahasan para ulama mengenai satu-satu kalimah khususnya dalam al-Quran. Justeru itu, perlunya kajian ini dilaksanakan untuk merungkai dan mengenal pasti ayat-ayat dan perkataan yang mengandungi perbezaan i‘rab tersebut yang meninggalkan makna yang pelbagai terhadap ayat yang terlibat. Namun, kajian yang dijalankan ini adalah melibatkan kajian daripada surah Ali ‘Imran sahaja. Ayat-ayat yang dinyatakan di atas dijadikan sebagai contoh dalam permasalahan kajian yang dijalankan.

#### 1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini dijalankan adalah untuk memenuhi objektif-objektif kajian seperti berikut:





- 1) Mengkategorikan perbezaan i‘rab dalam ayat-ayat terpilih dalam surah Ali Imran.
- 2) Menghuraikan implikasi perbezaan i‘rab terhadap makna ayat-ayat terpilih dalam Surah Ali Imran.

### 1.5 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian, iaitu:

- 1) Apakah ayat-ayat yang mengandungi dua atau lebih perbezaan i‘rab yang mempunyai implikasi terhadap makna ayat al-Quran dalam surah Ali ‘Imran?
- 2) Apakah pendapat ulama-ulama tafsir berkaitan perbezaan i‘rab dalam ayat-ayat



### 1.6 Batasan Kajian

Daripada keseluruhan surah yang ada dalam al-Quran, hanya surah Ali ‘Imran sahaja yang dipilih untuk dikaji dan dirungkai. Surah Ali ‘Imran mengandungi jumlah ayat iaitu 200 bilangan ayat yang memiliki pelbagai fungsi serta makna. Namun, daripada 200 ayat tersebut, hanya dibataskan kepada 25 ayat sahaja yang mempunyai implikasi yang signifikan terhadap makna ayat al-Quran. Signifikan yang dimaksudkan di sini ialah, perbezaan i‘rab tersebut meninggalkan perbezaan makna yang jelas, namun tidak mencacatkan makna ayat al-Quran yang sebenar.





Surah Ali Imran dipilih adalah kerana surah ini mengandungi kisah yang pelbagai dan berkaitan antara satu sama lain. Antaranya kisah tentang keluarga Ali Imran sehingga kepada Nabi Isa A.S. Malah, surah ini turut melibatkan kisah tentang perperangan yang berlaku dalam Islam seperti Perang Uhud dan Perang Badar. Perkaitan antara kisah-kisah ini boleh mencelarukan pembaca sekiranya tidak mengetahui makna asal ayat al-Quran berdasarkan fungsi serta jenis-jenis i’rab yang terlibat.

Penelitian terhadap perbezaan i’rab menjadi fokus utama kajian. Justeru itu, ayat-ayat al-Quran yang dipilih hanyalah terhad kepada ayat-ayat yang mengandungi perbezaan i’rab yang meninggalkan implikasi yang signifikan terhadap makna ayat al-Quran dalam surah Ali ‘Imran. Perbezaan i’rab yang dimaksudkan di sini ialah kepelbagaian jenis i’rab seperti *khabar, hal, na’at, maf’ul bih* dan sebagainya.



Kajian ini adalah bersifat kajian keperpusatakaan. Oleh itu, segala data dan maklumat yang diperoleh adalah daripada kitab-kitab ataupun buku-buku yang menjadi rujukan dalam kajian ini. Analisis kepelbagaian i’rab daripada surah Ali ‘Imran adalah berdasarkan kepada pendapat dan pandangan ulama-ulama tafsir.

## 1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini mengemukakan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian. Definisi ini membantu pengkaji untuk memahami setiap istilah yang dibincangkan untuk mengelak daripada menyalahi apa yang sepatutnya dilakukan semasa menjalankan kajian. Istilah-istilah yang digunakan adalah seperti yang berikut :





### 1.7.1 I ‘rab

Kajian ini menggunakan salah satu elemen penting dalam sistem bahasa Arab iaitu ilmu nahu yang berfokuskan tentang bab i‘rab. I‘rab yang wujud dikhususkan hanya dalam surah Ali ‘Imran. Kajian ini tertumpu kepada kesan yang timbul terhadap makna ayat al-Quran dalam surah Ali ‘Imran akibat daripada perbezaan i‘rab yang pelbagai.

Ilmu nahu penuh dengan pelbagai aturan dan teori hasil daripada proses ilmu peringkat demi peringkat dalam sejarah linguistik Arab. dalam ilmu nahu, pembahagian bab adalah berdasarkan kaedah pembelajaran yang khusus. Sebagai contoh, dalam ilmu nahu terdapat bahagian i‘rab yang melalui beberapa peringkat kaedah ilmu untuk memahaminya. Menurut Toni (2015), mendefinisikan i‘rab sebagai *taghyîr* (pengubahan) atau *taghayyur* (perubahan) atau *atsar* (alamat i‘rab).



Manakala menurut Ahmad (t.t.), menjelaskan bahawa i‘rab adalah perubahan keadaan akhir kata kerana perbezaan beberapa unsur (penyebab perubahan akhir kata) yang terdapat dalam perkataan tersebut sama ada secara lafaz mahupun penulisannya. Di sini menunjukkan bahawa, huruf terakhir dalam sesuatu perkataan bahasa Arab itu akan menentukan i‘rabnya yang pelbagai berdasarkan situasi atau keadaan dalam sesebuah ayat.

Daripada Moch (2014), yang dipetik daripada kitab ilmu nahu terkenal iaitu terjemahan *Matan al-Jurumiyyah dan ‘Imrithy* menjelaskan bahawa i‘rab ialah :



الاعراب هو تغيير او اخر الكلم لاختلاف العوامل الداخلة عليها لفظا او

تقديرها

*“I’rab ialah perubahan akhir kalimah kerana perbezaan amil yang memasukinya, baik secara lafaz ataupun secara perkataan”*

Ayat di atas mengambarkan bahawa i’rab membawa maksud mengubah *syaklu* (baris) di setiap akhir kalimah terbentuk hasil daripada beberapa faktor perkataan lain yang memasuki dalam sesebuah ayat yang disesuaikan dengan fungsi baris yang diletakkan sama ada dari segi lafaz maupun dari segi perkataan.

Menurut Mustafa dan Ahmad (2005), menyatakan bahawa i’rab adalah perubahan akhir kata kerana perbezaan unsur yang masuk pada kata yang dimaksudkan.

Daripada pengertian tersebut, sebarang perkataan berubah adalah disebabkan oleh sesuatu unsur lain yang berada dalam perkataan tersebut. Jenis baris seperti baris atas, baris depan dan baris bawah di akhir sesuatu perkataan itu akan mengambarkan jenis ayatnya sama ada bersifat *marfu’*, *mansub* ataupun *majrur*.

Makna dalam sesebuah perkataan akan difahami apabila memiliki i’rab yang betul. Makna yang wujud akan menjadikan sesebuah perkataan itu berfungsi sesuai dengan kedudukan dan kegunaannya. Fungsi atau makna boleh berubah berdasarkan kepada bacaan perkataan dalam sesebuah ayat seperti ayat dalam al-Quran.

### 1.7.2 Kepelbagaian dalam Perbezaan I'rab

Menurut Al-Muslim Mustapa (2010), i'rab merupakan isyarat atau petunjuk kepada makna yang dikehendaki oleh penutur atau penulis sebuah kata-kata. Di sini, dapat dinyatakan bahawa i'rab merupakan suatu unsur yang sangat penting dalam sistem qiraat bahasa Arab terutama sekali penggunaannya dalam al-Quran. Isyarat kepada makna ayat dapat diketahui sekiranya mempunyai i'rab yang betul. Hal ini adalah kerana, melalui penguasaan i'rab, dapat menghasilkan cara bacaan yang betul dan seterusnya dapat menghasilkan makna atau tafsir ayat yang betul agar tidak terpesong daripada makna asal ayat al-Quran.

Kepelbagaian dalam perbezaan i'rab yang dimaksudkan ialah kepelbagaian

i'rab yang wujud dalam sesebuah perkataan dalam ayat al-Quran. Dalam ilmu nahu, i'rab terdiri daripada pelbagai jenis mengikut kepada kesesuaian fungsi dan kegunaannya dalam sesebuah ayat. Kedudukan perkataan dalam sesebuah ayat adalah bergantung kepada fungsi i'rab itu sendiri. Ayat-ayat serta perkataan yang berkaitan yang memiliki jenis i'rab yang berbeza akan menimbulkan makna ayat yang pelbagai. Terdapat ayat-ayat dalam surah Ali 'Imran yang memiliki fungsi i'rab melebihi satu jenis seperti *badal*, *na'at*, *khabar* serta lain-lain yang berkaitan. Perbezaan fungsi i'rab inilah yang dimaksudkan sebagai perbezaan kepelbagaian bagi kajian ini.

Bahasa Arab merupakan bahasa komunikasi yang digunakan dalam al-Quran. Kitab ini terdiri daripada ayat-ayat yang mempunyai i'rab yang pelbagai. I'rab yang wujud adalah berdasarkan kepada baris yang digunakan dalam sesebuah ayat. Di samping itu, perbezaan dalam mengi'rab ayat al-Quran akan turut menyebabkan berlakunya perbezaan dari segi makna serta tafsir makna ayat al-Quran itu sendiri.

Dalam hal ini, jenis perbezaan i‘rab yang wujud dalam ayat al-Quran akan menghasilkan tafsiran makna yang pelbagai mengikut pandangan ulama-ulama yang terlibat. Kepelbagaian dalam perbezaan ini adalah untuk meraikan tafsiran dan pandangan yang pelbagai daripada ulama-ulama nahu berkaitan fungsi i‘rab mengikut jenis. Namun, perbezaan i‘rab yang wujud tidak akan mencatatkan makna sebenar ayat al-Quran.

Sebagai contoh, berdasarkan ayat yang ke-39 daripada surah Ali ‘Imran yang memiliki kepelbagaian dari segi i‘rabnya dinyatakan seperti yang berikut :

فَنَادَهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصْلِي فِي الْمِحْرَابِ أَنَّ اللَّهَ يَشْرُكُ بِيَحِيٍّ  
مُصَدِّقًا بِكَلْمَةِ مِنَ اللَّهِ وَسِيدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِنَ الصَّالِحِينَ (39)

Frasa (يُصْلِي) daripada ayat di atas boleh di’irabkan dalam dua bentuk yang

pelbagai, iaitu :

- 1- Frasa (يُصْلِي) merupakan *Hal* (حال) dan (صاحب الحال) pula ialah *dhomir* daripada frasa (فَنادَهُ).
- 2- Frasa (يُصْلِي) menjadi *Khabar Thani* (خبر ثانٍ) dan *mubtada’nya* (مبتدأ) ialah (هو).

Abi Ja‘afar Ahmad Muhammad Ismail dan Al-Halabi berpendapat bahawa frasa (يُصْلِي) merupakan *hal* (حال). Fungsi *Hal* (حال) berperanan sebagai menerangkan



keadaan sesuatu dalam sesebuah ayat. Frasa (يُصَلِّي) menjadi *hal* (حال) kepada *dhomir*

(هُوَ) daripada frasa (فَنَادَهُ). *Dhomir* (هُوَ) merujuk kepada Nabi Zakaria A.S. Maka,

keadaan ini akan menghasilkan makna ayat Al-Quran seperti berikut :

*Lalu malaikat menyeru Nabi Zakaria a.s yang dalam keadaan berdiri sedang menunaikan solat.*

Manakala Abi Ja'afar Ahmad Muhammad Ismail dan Al-Halabi juga berpendapat, frasa (يُصَلِّي) menjadi *khabar kedua* (خبر ثانٍ) bagi *mubtada'* (مبتدأ) iaitu perkataan (هو) dalam ayat tersebut.



Keadaan ini telah mendatangkan makna bahawa ‘dia’ yang merujuk kepada Nabi Zakaria a.s yang berdiri sedang menunaikan solat di *mihrab* di Baitul Maqdis.

Ayat al-Quran di atas menceritakan tentang Nabi Zakaria a.s yang pada ketika itu menjadi saksi kelahiran Maryam. Lalu terdetik dihatinya lalu memohon doa kepada Allah SWT supaya dikurniakan zuriat sama seperti apa yang telah telah berlaku kepada Maryam pada ketika itu. Nabi Zakaria A.S dan isterinya diuji oleh Allah SWT dengan tidak mendapat zuriat sedangkan usia kedua-duanya sudah lanjut dan semakin menua. Doa memohon zuriat yang dibacakan oleh Nabi Zakaria A.S telah diperkenankan oleh Allah SWT.





Malaikat Jibril a.s yang menjadi perantara telah datang menemui Nabi Zakaria a.s yang pada ketika itu sedang berada dalam keadaan berdiri mendirikan solat di *mihrab* di rumah ibadah Baitul Maqdis. Malaikat Jibril a.s menyeru bahawa Allah SWT memberikan khabar yang mengembirakan dengan mengurniakanmu seorang anak lelaki bernama Yahya yang akan dijadikan ketua iaitu Nabi serta anak tersebut beriman dengan kalimah Allah SWT di sepanjang hidupnya.

Oleh itu, berdasarkan kepada kedudukan i‘rab yang pertama membawa makna ayat yang ke-39 daripada surah Ali ‘Imran adalah seperti yang berikut :

*Maksudnya : "Lalu malaikat menyeru Nabi Zakaria a.s (yang dalam keadaan berdiri) sedang menunaikan solat di Mihrab, lalu berkata : "Bahwasanya Allah memberi khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakanmu seorang anak lelaki bernama) Yahya, yang akan beriman kepada Kalimah dari Allah, dan akan menjadi ketua, dan juga akan menahan diri dari berkahwin, dan akan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh". (39)*

Manakala, kedudukan i‘rab yang kedua pula membawa makna seperti yang berikut :

*Maksudnya : "Lalu malaikat menyeru Nabi Zakaria a.s (dia) yang sedang menunaikan solat di Mihrab, lalu berkata : "Bahwasanya Allah memberi khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakanmu seorang anak lelaki bernama) Yahya, yang akan beriman kepada Kalimah dari Allah, dan akan menjadi ketua, dan juga akan menahan diri dari berkahwin, dan akan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh". (39)*

Kedua-dua pandangan di atas telah menghasilkan dua jenis i‘rab yang berbeza sesuai dengan kedudukan dan keadaan dalam ayat tersebut. Perbezaan jenis-jenis i‘rab iaitu yang pertamanya ialah *hal* dan yang keduanya ialah *khabar* ini jelas tidak mendatangkan kecacatan terhadap makna ayat Al-Quran yang sebenar sebaliknya





makna ayat tersebut akan menjadi semakin mudah untuk difahami setelah mengetahui kedudukan dan fungsi i‘rabnya yang pelbagai.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Bahasa Arab amat berkaitan dengan dunia Islam. Sebagai bukti, Allah SWT telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan yang digunakan dalam al-Quran. Seperti yang disebutkan dalam surah Yusof pada ayat 1 dan 2.

Firman Allah S.W.T ;

الر، تلَكَ آيَاتُ الْكِتَابِ الْمُبِينِ (١) إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِعُلُّكُمْ تَعْقِلُونَ (٢)

Maksudnya : Alif, Laam, Raa'. Ini ialah ayat-ayat kitab al-Quran yang menyatakan kebenaran. Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

Ayat ini menjelaskan bahawa penggunaan bahasa Arab sebagai perantaraan dalam al-Quran bertujuan memberi kefahaman kepada pembacanya. Namun, pemahamannya adalah bergantung kepada sejauh mana pengetahuan pembaca mengenai bahasa Arab khususnya dalam ilmu-ilmu yang berkaitan.

Kajian ini menunjukkan kepada manusia bahawa perbezaan i‘rab yang berlainan menunjukkan keindahan bahasa yang terkandung dalam al-Quran. Al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan kepada Rasulullah S.A.W dan seterusnya sampai kepada umat manusia pada hari ini. Bagi yang mempelajarinya akan menambahkan lagi kecintaan terhadap Allah S.W.T. Hal ini kerana, al-Quran merupakan kitab yang





dijadikan panduan buat sekalian alam termasuk akidah, ibadat, akhlak serta sesuai dijadikan rujukan bagi semua lapisan masyarakat tanpa mengira masa dan tempat. Kajian yang mendalam tentang al-Quran ini menampakkan dan membuka mata pengkaji tentang kebesaran Allah SWT.

Bahasa Arab terdiri daripada pelbagai bidang ilmu seperti ilmu nahu, ilmu saraf, ilmu balaghah dan sebagainya. I‘rab merupakan salah satu komponen yang sangat penting untuk memahami bahasa Arab. Malah, i‘rab boleh dikatakan sebagai penyumbang utama dalam menyampaikan makna bagi sesebuah ayat. Melalui i‘rab, makna sesuatu ayat dapat difahami dengan jelas. Dalam erti kata lainnya, i‘rab dijadikan sebagai kata kunci untuk memahami satu-satu makna. Di sini menunjukkan bahawa, i‘rab memainkan peranan yang sangat penting dalam dunia bahasa Arab secara umumnya.



Tambahan lagi, memahami perbezaan i‘rab dengan bersungguh-sungguh mampu membuka mata manusia bahawa ayat yang tedapat dalam ayat al-Quran ini mempunyai maknanya yang tersendiri berdasarkan i‘rab yang pelbagai. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa sekiranya kita mendalami ilmu ini, akan memudahkan si pembaca al-Quran untuk mengetahui dan memahami makna ayat ketika membacanya. Seterusnya menjadikan seseorang itu dapat bertadabbur dengan al-Quran.

Selain itu, terdapat beberapa buah hadis yang menggalakkan umat Islam agar mempelajari ilmu mengi‘rab al-Quran. Antaranya ialah hadis-hadis daripada Abu Hurairah r.a menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W pernah bersabda ;





أعْرِبُوا الْقُرْآنَ وَالْتَّمَسُّوا غَائِبَهُ

*Maksudnya : I‘rablah Al-Quran dan carilah keganjilannya.*

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ بِإِعْرَابٍ فَلَهُ أَجْرٌ شَهِيدٌ

*Maksudnya : Sesiapa yang membaca Al-Quran dengan i‘rab, maka untuknya pahala mati syahid.*

Daripada dua hadis ini, dapat dijelaskan bahawa Rasulullah S.A.W menyeru manusia untuk mendalami ilmu i‘rab al-Quran. Baginda Rasulullah s.a.w meletakkan i‘rab al-Quran sebagai suatu ilmu yang harus dipelajari dan dituntut menguasainya. Menyedari kepentingan hadis ini, ulama-ulama telah bergiat aktif menulis karya-karya khususnya karya mengenai i‘rab al-Quran sehingga munculnya kitab-kitab masyur seperti kitab *Al-Farid Fi I‘rab Al-Quran*, *al-Majid* oleh al-Hamadaniy, *I‘rab Musykil Al-Quran* oleh Makkiy al-Qaisiy, *Al-Bayan Fi Gharib I‘rab al-Quran* oleh Abu al-Barakat al-’Anbariy.

Maka secara tuntasnya, mempelajari dan mendalami ilmu yang berkaitan bahasa Arab dan al-Quran khususnya dari segi perbezaan i‘rab yang pelbagai membuka mata kepada pengkaji bahawa setiap ayat yang diturunkan Allah S.W.T mempunyai sebab dan akibatnya yang tersendiri. Walaupun terdapat perbezaan dari segi i‘rab dan perbezaan tersebut, hal ini tidak membawa makna yang menyeleweng daripada makna asalnya. Malah, i‘rab membantu dalam menjelaskan makna ayat al-Quran sesuai mengikut fungsi serta kedudukan kalimah dalam ayat tersebut yang akhirnya membawa kepada satu tafsiran ayat yang jelas untuk difahami.





## 1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini menerangkan tentang latar belakang atau pengenalan kepada kajian yang dijalankan dengan mengemukakan perkara yang berkaitan dengan kajian ini. Adanya persoalan kajian yang menjawab setiap objektif kajian. Seterusnya, terdapat pernyataan masalah yang menjadi titik tolak kepada kajian ini dijalankan. Batasan kajian yang membataskan kajian ini adalah mengikut batasan yang telah digariskan serta kepentingan kajian ini dijalankan.

